



PROGRAM PEMBIAYAAN ESG MELALUI PERTANIAN PINTAR

ANDA MEMERLUKAN PEMBIAYAAN UNTUK PERTANIAN PINTAR?


Kami menawarkan kadar keuntungan menarik kepada usahawan yang berminat dalam pertanian pintar



| Pembiayaan kepada **Usahawan PKS Bumiputera** termasuk Syarikat Peneraju

| Had Pembiayaan **Minimum RM50,000.00 sehingga Maksimum RM1,000,000.00**

| Tempoh Pembiayaan **Maksimum 10 Tahun** Termasuk 3 Tahun Tempoh Penangguhan (sekiranya diluluskan)



IMBAS KOD QR UNTUK MAKLUMAT LANJUT

PENGENALAN PROGRAM

Program Pembentukan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) melalui Pertanian Pintar ialah program pembiayaan yang menawarkan kemudahan pembiayaan kepada usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera untuk mengimplementasikan pertanian moden dan pintar untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti pengeluaran pertanian. Program ini bertujuan untuk menyokong agenda TERAJU dalam memperkasakan pengeluaran makanan negara bagi menjamin kelestarian bekalan makanan dan alam sekitar pada masa hadapan.

TEMPOH PEMBIAYAAN*

Maksimum 10 tahun termasuk 3 tahun tempoh penangguhan (sekiranya diluluskan).

HAD PEMBIAYAAN

Minimum RM50,000 sehingga maksimum RM1,000,000

KADAR KEUNTUNGAN

- Pembiayaan Berjangka-i: BFR+0%
- Pembiayaan Modal Kerja-i: Tertakluk kepada kadar keuntungan produk.

TUJUAN PEMBIAYAAN

- Membentuk kos perbelanjaan modal (CAPEX) dan perbelanjaan operasi (OPEX) di sepanjang rantai nilai agromakanan.
- Projek yang dijalankan dengan penggunaan teknologi yang meningkatkan pengeluaran hasil yang lebih berkualiti.

BIDANG-BIDANG DIAMBIL

KIRA TERMASUK:

- Ladang Tertutup
- Fertigasi
- Solar Panel
- Teknologi Dron
- Lain-lain.

SEKTOR

- Pertanian
- Perikanan dan Akuakultur
- Penernakan
- Pengeluaran Industri Makanan
- Agropelancongan

KONSEP SYARIAH

Program ini menggunakan konsep Tawarruq yang melibatkan dua kontrak jual beli yang berasingan. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Seterusnya, pembeli bagi urus niaga penjualan yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan lani.

SYARAT KELAYAKAN

- Usahawan PKS dengan kurang-kurangnya 60% saham dimiliki oleh Bumiputera yang di daftarkan di bawah undang-undang Malaysia seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau pihak berkuasa tempatan yang beroperasi di Malaysia.
- Pemilik / rakan kongsi / pengarah / pemegang saham entiti perniagaan mestilah berumur 18 tahun (pada masa permohonan) sehingga 60 tahun (pada tempoh matang pembiayaan).
- Aktiviti perniagaan adalah dalam sektor pertanian yang telah beroperasi kurang-kurangnya 12 bulan.
- Bukan individu dengan penglibatan kurang daripada 12 bulan dalam pertanian di bawah model pertanian kontrak dengan syarikat peneraja.
- Syarikat yang tidak diisytiharkan muflis dan tidak mempunyai tindakan undang-undang yang membenarkan tindakan muflis.
- Aktiviti perniagaan mestilah patuh syariah.



Lebuh Pasar Besar, 50726,
Kuala Lumpur Malaysia
Tel: +603 2731 1600
Faks: +603 2691 7790
E-mel: customer@agrobank.com.my

* Tertakluk pada terma dan syarat

• Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Pos Panggilan Agrobank** di talian **1-300-88-2476** atau layari laman sesawang www.agrobank.com.my atau kunjungi cawangan kami yang terdekat